

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Raja Permaisuri Agong zahir penghargaan barisan hadapan

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah semalam menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerja keras dan sumbangan cemerlang yang ditunjukkan petugas barisan hadapan dalam menangani pandemik COVID-19 serta menjadikan negara ini selamat.

Tunku Azizah bertitah COVID-19 memberikan cabaran dan tekanan yang besar kepada kehidupan semua orang, namun petugas barisan hadapan tetap cekal mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk membendung pandemik itu.

"Pada majlis yang tidak dapat dilupakan ini, beta ingin menzahirkan rasa terhutang budi dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangan serta pengorbanan yang dilakukan oleh semua petugas barisan hadapan yang terus melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa mengira kesulitan dan risiko terhadap kesihatan mereka.

"Terima kasih kerana begitu berdedikasi, berani dan tidak me-

mentingkan diri sendiri untuk mengatasi cabaran yang kita hadapi. Pada kesempatan ini, beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada orang ramai yang secara sukarela membantu petugas barisan hadapan kita," titah baginda.

Seri Paduka bertitah demikian ketika berucap sempena penyampaian Anugerah Merit Ibn Khaldun Bagi Transformasi Sosial Peringkat Global kepada Petugas Barisan Hadapan di Institut Antarabangsa Tamadun Islam dan Dunia Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC-UIAM).

Tunku Azizah, yang juga Ketua Perlembagaan (Canselor) UIAM, bertitah bahawa baginda amat bangga Malaysia adalah antara negara pertama yang mengambil pelbagai tindak balas pantas dalam usaha melindungi rakyatnya daripada virus berbahaya itu.

Selain usaha kerajaan, baginda bertitah banyak sumbangan dihulurkan rakyat bagi mengatasi ancaman COVID-19. BERNAMA



Tunku Azizah Aminah berkenan menyampaikan Anugerah Merit Ibn Khaldun Bagi Transformasi Sosial Peringkat Global kepada Petugas Barisan Hadapan diwakili Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah di ISTAC-UIAM, semalam. (Foto BERNAMA)